

22 FEB 1997

CAP KESAL PROJEK LEBUH RAYA TANAH TINGGI AKAN DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kesal dengan rancangan kerajaan untuk meneruskan projek pembinaan lebuhraya yang menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands.

Presidennya S.M Mohamed Idris hari ini berkata projek itu tidak sepatutnya diteruskan kerana ia mempunyai kemungkinan untuk mendatangkan kerosakan kepada alam sekitar.

Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah memberi jaminan bahawa lebuhraya itu akan dibina dengan meminimumkan kerosakan alam sekitar, ia masih berbahaya memandangkan keadaan kawasan yang mempunyai ekosistem yang sangat sensitif, katanya dalam kenyataan di sini.

Dr Mahathir yang menyatakan projek itu akan diteruskan semalam, juga telah meminta supaya pertubuhan bukan kerajaan agar jangan mengambil pendekatan yang fanatik terhadap pembangunan tanah tinggi.

Beliau berkata orang ramai perlu diberi kemudahan untuk menikmati tempat-tempat yang cantik di negara ini.

Idris berkata Banjaran Utama, tempat letaknya ketiga-tiga kawasan peranginan tanah tinggi itu, merupakan sistem sokongan hidup yang sangat penting kepada Semenanjung Malaysia dan kawasan tanah tinggi itu terdedah kepada hakisan akibat lerengnya yang curam dan jumlah hujan yang banyak. --

BERNAMA

RHM NMO